

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

ISU PAMPASAN DAN PENGOSONGAN 560 KEDIAMAN, LOT KEDAI DI JINJANG SELATAN TAMBAHAN KEPONG

‘Kami belum terima sebarang tawaran’

Kuala Lumpur

Pemilik 560 kediaman dan lot kedai di Jinjang Selatan Tambahan Kepong di sini, menuntut Datuk Bandar Kuala Lumpur mengadakan pertemuan dengan mereka bagi membincangkan isu pampasan dan pengosongan kawasan itu yang dikatakan untuk memberi laluan kepada pembinaan projek perumahan mega.

Setiausaha Gabungan Isu Perumahan Dan Pampasan Jinjang Selatan Tambahan Kepong, Ameer Khan Bargathalli berkata, projek berkenaan mula dibangunkan pada 2013, namun hanya segelintir mengetahui status pampasan mereka, manakala selebihnya masih menjadi tanda tanya.

“Penduduk masih belum menerima senarai tawaran pampasan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan tidak mengetahui pihak mana yang layak atau tidak layak menerima pampasan.

“Projek pembangunan ini bermula sejak 2013, sepatutnya mereka memberikan rumah gantian kepada penduduk layak, namun sehingga kini, hanya 80 peratus daripada pembinaan rumah gantian itu disiapkan, manakala rumah bagi keluarga kedua masih belum bermula,” katanya selepas menyerahkan memorandum kepada wakil Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif di Menara DBKL di sini, sema-



AMEER Khan (dua dari kanan) menyerahkan memorandum kepada wakil Datuk Bandar DBKL di Menara DBKL. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

lam.

Turut hadir, puluhan penduduk terkesan.

Mengulas lanjut, Ameer berkata, penduduk mahukan Dr Maimunah meneliti empat tuntutan mereka dengan segera.

“Pemilik lot kedai me-

nuntut notis pengosongan yang dikeluarkan DBKL yang sepatutnya dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Ogos ini, dibatalkan segera.

“Penduduk juga mahu notis cabutan undi dibatalkan kerana pemaju me-

ngadakan cabutan undi untuk penduduk tanpa pengetahuan dan pembabitangan penduduk.

“Penduduk turut menuntut salinan senarai penerima pampasan supaya mereka dapat menyemak dan memastikan keadilan

dalam pengagihan pampasan kerana ada laporan terdapat individu luar telah membeli rumah di kawasan itu, sedangkan penduduk tempatan masih belum mendapat rumah gantian yang dijanjikan,” katanya.

Menurutnya, penduduk

mendesak satu pertemuan segera diadakan dengan Dr Maimunah untuk menyelesaikan isu berkenaan yang berlarutan sejak bertahun-tahun.

“Kita masih percaya dengan kepimpinan Datuk Bandar baru ini untuk menyelesaikan masalah dialami penduduk ini, namun jika tiada maklum balas, kita akan membawa isu ini kepada menteri (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa).

“Kita juga akan meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat dakwaan wujud unsur rasuah apabila DBKL didakwa bersubahat dengan pemaju untuk mengutamakan pihak luar berbanding penduduk asal,” katanya.

Sementara itu, pemilik bengkel motosikal dan basikal, Choon Kim Foong, 51, berkata, mahukan keadilan berikutan keluarganya juga pemegang lesen pendudukan sementara (TOL) yang mencari rezeki di kawasan itu sejak 70-an, malah membayar cukai RM1,800 setahun.

“Kami diberikan notis pengosongan sehingga 31 Ogos ini dengan pampasan RM5,000 saja, sedangkan kami sudah cari makan sejak puluhan tahun, malah membayar cukai RM1,800.

“Saya mahukan keadilan dengan pampasan setimpal sekurang-kurangnya ditawarkan rumah gantian seperti penduduk asal,” katanya.

Sementara itu, DBKL memaklumkan akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu itu dalam masa terdekat.